

RINGKAS

Kapal bawa diesel seludup dirampas

Bintulu: Bukan hanya diesel seludup seberat 32,000 liter dirampas, malah kapal bernilai RM1.5 juta yang membawa bahan api itu turut dirampas Pasukan Polis Marin Wilayah 5 (PPMWS) Bintulu.

Dalam operasi jam 11 pagi kelmarin, pihak berkuasa berjaya menggagalkan usaha sindiket penyeludupan diesel yang dikesan melakukan aktiviti itu di perairan Bintulu di sini.

Komander PPMWS, Asisten Komisioner (ACP) Shamsol Kassim berkata, kapal itu ditemui dalam keadaan mencurigakan sebelum ditahan bot peronda PPMWS pada kedudukan 7.09 batu nautika dari Kuala Bintulu jam 11 pagi kelmarin.

"Pemeriksaan yang turut disertai Unit Risikan Marin (URM) itu menemui bahan bakar disimpan di bahagian bawah komponen kapal berkenaan," ujarnya.

